



SHEIKH RAJESH SHEIKH AHMAD (duduk, tiga dari kiri) bersama pihak berkuasa dan wakil penduduk selepas merasmikan Karnival Riuh Sekampung Sekolah Kebangsaan Telok Gong di Kampung Nelayan, Klang, Selangor, semalam.

Fenomena air pasang besar: Penduduk Pelabuhan Klang perlu sedia berpindah

KLANG 10 Okt. - Penduduk di sepanjang pesisiran pantai di sini khususnya di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang diminta bersedia untuk berpindah jika diarahkan pihak berkuasa susulan ramalan fenomena air pasang besar pada 16 hingga 19 Oktober ini.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Klang, Datuk Sheikh Rajesh Sheikh Ahmad berkata, penduduk di kawasan DUN tersebut perlu bersiap sedia memandangkan air pasang besar itu masih tidak dapat dijangka sama ada akan melimpahi benteng sedia ada atau sebaliknya.

Menurutnya, antara persediaan yang perlu dilakukan ialah me-

astikan semua dokumen penting dibawa sekiranya diarah berpindah dan barang-barang berharga diletakkan di tempat yang selamat.

"Bulan lalu kita dikejutkan dengan fenomena air pasang besar yang melanda sepanjang pantai barat sehingga menyebabkan beberapa kawasan dilimpahi air dan para penduduk dipindahkan.

"Saya berharap penduduk di kawasan terlibat berhati-hati dan sentiasa mendengar berita melalui media massa dan patuhi arahan berpindah ke kawasan lebih selamat," katanya kepada *Utusan Malaysia* selepas merasmikan Karnival Riuh Sekampung Sekolah Kebangsaan Telok Gong di

Kampung Nelayan, di sini hari ini.

Sheikh Rajesh berkata, beliau berharap pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau keadaan benteng dan air pasang besar yang bermula 16 Oktober ini.

"Kali ini air pasang besar dijangka melimpahi benteng sedia ada. Justeru, penduduk di kawasan Teluk Gong ini saya harap sentiasa peka dengan berita di media massa terutama di media arus perdana," katanya.

Minggu lalu, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor dilaporkan meramalkan paras air di Pelabuhan Klang akan berada pada tahap tertinggi iaitu 5.7 meter pada 16 hingga 19 Oktober ini.